

LATIHAN 3

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan penyiasatan ini.

Seorang murid menjalankan satu penyiasatan untuk mengkaji factor yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma. Murid itu merenjiskan sedikit air di atas roti A manakala roti B dibiarkan kering. Kedua-dua roti itu dibiarkan di atas meja selama tiga hari. Rajah di bawah menunjukkan pemerhatian yang diperoleh selepas dua hari.



- a) Nyatakan pemerhatian yang boleh dibuat berdasarkan rajah di atas.

Tiada kulapuk bertumbuh di atas _____ manakala _____ ditumbuhi kulapuk.

- b) Apakah faktor pertumbuhan mikroorganisma yang dikaji dalam penyiasatan ini?

- c) Apakah pemboleh ubah yang terlibat dalam penyiasatan ini? Padankan.

Pemboleh ubah	Maklumat
(i) Pemboleh ubah dimanipulasi	Tempat roti disimpan
(ii) Pemboleh ubah bergerak balas	Kehadiran air
	Pertumbuhan kulapuk

LATIHAN 4

Jawab semua soalan.

1. Namakan penyakit dan jenis mikroorganisma yang menyebabkan penyakit berikut.

Rajah	Nama penyakit	Jenis mikroorganisma penyebab
	(a) _____	(b) _____
	(c) _____	(d) _____
	(e) _____	(f) _____


2. Padankan penyakit berikut dengan jenis mikroorganisma penyebab penyakit.

(a) Malaria	Virus
(b) Taun	Bakteria
(c) Panau	Protozoa
(d) Selesema	Fungi

LATIHAN 5

Jawab semua soalan.

1. Makanan yang manakah dihasilkan dengan menggunakan mikroorganisma? Tandakan (/) pada petak yang betul.



2. Isi tempat kosong dengan perkataan yang diberikan di bawah.

keju	Bakteria	antibiotik
Yis	bahan organik	baja organik

- a) _____ digunakan dalam pembuatan roti dan tapai.
- b) _____ digunakan untuk merawat sisa kumbahan di dalam loji kumbahan.
- c) Penghasilan _____ melibatkan penggunaan bakteria dan fungi.
- d) Selain daripada digunakan dalam pembuatan makanan, bakteria turut digunakan untuk membuat _____.
- e) Pembuatan _____ dan yogurt juga menggunakan bakteria.
- f) Tindakan bakteria pereputan menguraikan _____ yang menyebabkan bahan ini tidak menimbun di persekitaran.